



PENGUMUMAN KEMANGKATAN
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI
ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA

Innalillahi Wainnailaihi Rajiun

Adalah dengan sangat kedukaan dan kemasyghulan dilafazkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, yang amat dihormati dan dikasihi telah mangkat, pada jam 8.11 pagi hari Sabtu bertarikh pada 28 Muharram 1441H bersamaan dengan 28 September 2019 di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelaritan.

Oleh itu ketahuilah bahawa dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Kelantan Darulnaim perkabungan kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, adalah ditentukan mulai pada hari ini 28 Muharram 1441H bersamaan dengan 28 September 2019 seperti di bawah ini:

- (1) Selepas sahaja daripada waktu kemangkatan, bendera tubuh hendaklah dikibarkan setengah tiang di Istana dan demikianlah juga di Istana Balai Besar apabila Jenazah Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra dipindahkan ke Istana Balai Besar. Bendera Negeri dan lain-lain bendera hendaklah dikibarkan setengah tiang selama 40 hari daripada hari kemangkatan

- (2) Pejabat-pejabat Kerajaan, gedung-gedung perniagaan sekolah-sekolah dan pertubuhan-pertubuhan yang sempurna itu hendaklah ditutup selama tiga (3) hari mulai hari kemangkatan ini sehingga kepada hari Isnin 1 Safar 1441H bersamaan dengan 30 September 2019. Bendera-bendera hendaklah dikibarkan setengah tiang di tempat-tempat tersebut.

- (3) Segala bentuk permainan hiburan hendaklah diberhentikan selama tiga (3) hari (siang dan malam) dan juga selama tiga (3) hari selepas daripada hari pemakaman. Permainan-permainan di pentas secara sambilan-sambilan, pertunjukan-pertunjukan untuk derma dan permainan-permainan sukan hendaklah jangan dilangsungkan sehingga luput 40 hari dikira daripada hari kemangkatan.
- (4) Pegawai-pegawai Negeri dan rakyat Negeri Kelantan hendaklah berkabung dengan memakai kain putih di kemuncak songkok atau tali leher hitam selama 40 hari dikira daripada hari kemangkatan. Kiranya mustahak dipakai tali lengan maka tali lengan itu hendaklah selebar 3 inci dan berwarna hitam ataupun biru.
- (5) Manakala kerabat-kerabat D'Raja, pegawai-pegawai dan kakitangan Istana hendaklah memakai pakaian berkabung selama 100 hari dikira daripada hari kemangkatan.
- (6) Semua masjid dan surau di dalam Negeri Kelantan hendaklah mengadakan Majlis Tahlil dan Doa ke atas roh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra selepas Fardhu Maghrib selama tujuh (7) hari selepas daripada dimakamkan Jenazah Almarhum Baginda.
- (7) Rakyat-rakyat dan penduduk negeri ini hendaklah berkabung dari tarikh ini selama tujuh (7) hari.

PERATURAN BERKABUNG

- (a) Bagi orang-orang Melayu hendaklah memakai tanda perkabungan kain putih dikemuncak songkok.
- (b) Bagi lain-lain bangsa dan agama, memakai selilit kain hitam lebarnya 3 inci di lengan kiri dan bertali leher warna hitam.

d. Pegawai-pegawai-
Agama (Islam) berkupiah keras dan berjubah

(ii) Orang Perempuan :


- a. Orang Melayu - baju panjang (putih, jika boleh), berkain tudung
- b. Orang bukan - pakaian bersopan
Melayu

(iii) Pengecualian :

Ketetapan di atas dikhususkan kepada rakyat Kelantan. Pelawat-pelawat
dikehendaki memakai pakaian yang sopan mengikut adat masing-masing.

Semoga dicucuri rahmat yang berlebih-lebihan ke atas Roh Almarhum Duli Yang
Maha Mulia Sultan Ismail Petra.

Saya yang menjalankan amanah,


DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, S.P.S.K. (Kelantan),
Dato' Kaya Setia
Setiausaha Kerajaan Kelantan

Bertarikh pada : 28 Muarram 1441H bersamaan dengan 28 September 2019

File : SUK.D.200 (01) 401/1 Jld. II (20)



قِجَابَةُ سَيِّدَاءُ وَسَهَا كِرَاجَانَ نَجْرِي كِلَنْتَن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
Aras 3, MABNA MBI (Blok 8),
Kompleks Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.**

Tel. : 609 - 7481957 (AM)
: 609 - 7485766 (D/L)
Fax : 609 - 7443164
: 609 - 7436000
KPSU : 609 - 7484367
E-mail : bhgkp@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : SUK.D200(01) 15/1/1 Jld 3 (62)

Bertarikh : 28 Muharram 1441H bersamaan
28 September 2019M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri / Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Swasta / NGO

YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan,

ARAHAN UNTUK BERKABUNG BERIKUTAN DENGAN KEMANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra yang amat dikasihi telah mangkat pada hari Sabtu, **28 Muharram 1441H bersamaan 28 September 2019M**.
3. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda penghormatan kepada Almarhum Baginda, YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan diminta untuk memastikan semua kakitangan di bawah bidang kuasa YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan berkabung bermula daripada tarikh kemangkatan iaitu hari **Sabtu, 28 Muharram 1441H bersamaan 28 September 2019M selama 40 hari** dari tarikh kemangkatan tersebut.
4. Peraturan berkabung adalah sebagaimana berikut:-
 - 4.1 bagi orang-orang Melayu hendaklah memakai tanda perkabungan kain putih dikemuncak songkok
 - 4.2 bagi lain-lain bangsa dan agama memakai selilit kain hitam lebarnya 3 inci dilengen kiri dan bertali leher warna hitam
 - 4.3 bagi mereka yang berhak memakai uniform dan majlis yang tertentu, selilit kain hitam lebarnya 3 inci dilengen kiri
 - 4.4 bagi perempuan Melayu, hendaklah memakai tudung kepala warna putih
 - 4.5 bagi orang-orang perempuan lain bangsa atau agama memakai selilit kain hitam lebarnya 3 inci di lengan kiri.

SEGERA




" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN "
KEBERKATAN . KEMAKMURAN . KEBAJIKAN

5. Segala usaha serta kerjasama pihak YB Dato'/YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dialu-alukan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

~ RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT~
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Saya yang menjalankan amanah,



Dato' Haji Tengku Azmi Bin Tengku Jaafar

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN TENGKU JAAFAR, D.P.S.K, (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN

s.k YB Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Kelantan